

LEMBARAN PENERANGAN PRODUK	
Nota: Sila baca dan fahami Lembaran Penerangan Produk ini bersama-sama terma dan syarat sebelum anda memohon dan memutuskan untuk mendaftar produk ini. Sila dapatkan juga penjelasan daripada kami jika anda memerlukan penjelasan lanjut tentang mana-mana bahagian dokumen ini atau terma.	AmInvestment Bank Berhad (197501002220) Produk: Pembrokeran Saham Islamik ("ISB") Tarikh Tayangan: 30 Oktober 2025 (Versi 3.3)
1.	Apakah produk ini?
Pembrokeran Saham Islamik ("ISB") adalah akaun dagangan saham patuh Syariah yang mematuhi undang-undang dan kontrak Islam serta bebas daripada unsur haram yang dilarang. Ia ditawarkan oleh AmInvestment Bank ("Bank") melalui AmBank Islamic, kepada anda sebagai alternatif yang membolehkan anda melabur dalam saham patuh Syariah yang diluluskan oleh the Majlis Penasihat Syariah ("SAC") Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"). Nota: Sila ambil perhatian bahawa akaun ini tidak layak untuk jualan pendek intrahari ("IDSS").	
2.	Apakah konsep Syariah yang digunakan?
a) Wakalah (Agensi) Bank bertindak sebagai ejen yang dilantik oleh pihak anda untuk berdagang saham patuh Syariah dan menguruskan penyelesaian. b) Rahn (Ikrar) Anda mecagarkan asset kepada bank sebagai jaminan untuk memenuhi kewajipan dagangan anda. c) Kafalah (Jaminan) Bank sebagai penjamin berkongsi tanggungjawab dengan anda terhadap liabiliti yang telah ditetapkan. Sekiranya berlaku keingkaran, liabiliti anda akan menjadi tanggungan bersama. Bank menerima bayaran Kafalah atas perkhidmatan yang diberikan, untuk memastikan kewajipan anda dipenuhi. d) Bai' (Perdagangan) Pertukaran saham dengan tunai pada harga yang dipersetujui dan pemindahan hak milik berlaku dengan persetujuan bersama.	
3.	Apakah syarat kelayakan?
a) Anda mestilah berumur 18 tahun dan ke atas. b) Anda mesti mempunyai Sistem Depositori Pusat ("CDS") dengan Bank. c) Anda mesti mempunyai akaun dagangan dengan Bank. d) Anda TIDAK boleh mempunyai sebarang rekod kebankrapan atau delinkuen yang belum dilepaskan.	
4.	Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini?
a) Perdagangan Dijamin Halal Anda boleh menikmati perdagangan saham patuh Syariah seperti yang ditetapkan dan diluluskan oleh SAC SC dan Bursa Malaysia. b) Amalan Patuh Syariah Kontrak Syariah digunakan dan dipatuhi dengan sewajarnya sepanjang perjalanan perdagangan, dan wang amanah anda diasingkan daripada akaun konvensional dan dimasukkan ke dalam akaun Islamik sahaja. c) Penecualian Unsur Haram yang Dilarang Unsur-unsur haram yang dilarang, termasuk riba (riba), gharar (ketidakpastian), dan maysir (judi), dihapuskan sama sekali. d) Pampasan Adil dengan Ta'widh (Pampasan) Caj ta'widh hanya akan dikenakan ke atas pembayaran lewat atau lalai yang dibuat oleh anda berdasarkan kadar Pasaran Wang Antara Bank Islamik ("IIMM") AmBank Islamic (sila rujuk www.ambank.com.my/eng/rates-fees-charges).	
5.	Apakah yuran dan caj yang terlibat?
Untuk maklumat lanjut mengenai yuran dan caj berkaitan ISB, sila rujuk kepada Jadual Kadar, Yuran & Caj AmInvestment Bank Berhad.	
6.	Bagaimana jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?
a) Bank berhak untuk menjual paksa atau mencairkan saham anda atau menolak sebarang baki kredit dalam akaun anda yang disimpan dengan Bank terhadap sebarang baki debit tertunggak. b) Bank boleh menggantung atau menamatkan akaun dagangan saham anda. c) Bank boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap anda, dan anda perlu menanggung semua kos yang ditanggung dan tanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang kekurangan selepas itu.	
7.	Apakah risiko-risiko utama yang berkaitan dengan produk?
a) Risiko Pasaran Harga saham boleh berubah secara mendadak disebabkan faktor ekonomi, politik, atau peristiwa global. Ini boleh menjejaskan nilai pelaburan anda. b) Risiko Kecairan Saham mungkin tidak boleh dipasarkan, tidak cair, dan tidak mudah diniagakan di pasaran pada harga yang berpatutan. Anda mungkin perlu menunggu atau menerima harga yang rendah untuk mencairkan pelaburan dan mengurangkan kerugian.	

- c) **Risiko Pasaran**
Harga saham boleh berubah secara mendadak disebabkan oleh faktor ekonomi, politik, atau peristiwa global. Ini boleh menjejaskan nilai pelaburan anda.
- d) **Risiko Kecairan**
Saham mungkin tidak boleh dipasarkan, tidak cair, dan tidak mudah diniagakan di pasaran pada harga yang berpatutan. Anda mungkin perlu menunggu atau menerima harga yang rendah untuk mencairkan pelaburan dan mengurangkan kerugian.
- e) **Risiko Syarikat**
Prestasi kewangan dan operasi syarikat boleh menjejaskan harga sahamnya. Kegagalan dalam perniagaan dan pengurusan boleh menyebabkan nilai pelaburan anda menurun. Adalah disarankan agar anda membuat kajian terperinci sebelum melabur dalam saham syarikat tersebut.
- f) **Risiko Inflasi**
Kuasa beli pelaburan anda mungkin berkurangan dari masa ke masa jika pulangan diterima lebih rendah atau tidak seiring dengan kadar inflasi.
- g) **Risiko Kawal Selia**
Perubahan dalam undang-undang dan peraturan kerajaan boleh memberi kesan material kepada operasi syarikat, yang seterusnya boleh mempengaruhi harga saham dan pulangan pelaburan anda.
- h) **Risiko Syariah**
Saham patuh Syariah boleh kehilangan status tersebut dan menjadi tidak patuh Syariah sekiranya syarikat melakukan perubahan dalam operasi perniagaan, penstrukturan korporat, komposisi hasil, dan lain-lain. Senarai saham patuh Syariah dikemas kini dua kali setahun oleh SAC, iaitu pada bulan Mei dan November (sila rujuk www.sc.com.my/development/icm/shariah-compliant-securities/list-of-shariah-compliant-securities). Jika sesuatu saham menjadi tidak patuh Syariah, anda perlu mengambil langkah keluar yang sewajarnya, termasuk menjual saham tersebut dan membersihkan hasil pendapatan.

Sila ambil perhatian bahawa senarai ini tidak lengkap dan hanya berfungsi sebagai panduan. Sebelum anda mengambil sebarang keputusan untuk membuat pelaburan, anda dinasihatkan untuk berunding dengan wakil peniaga kami yang profesional untuk menilai profil risiko anda.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada profil peribadi dan butiran hubungan saya?

Ia adalah penting untuk anda menghubungi kami (sila rujuk item 9) dan mengemas kini maklumat peribadi dan butiran hubungan anda untuk memastikan maklumat anda adalah terkini dan semua surat-menyurat sampai tepat pada masanya.

9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut, bantuan dan membuat aduan?

(i)	(ii)	(iii)
Sekiranya anda ingin membuat sebarang pertanyaan atau aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan, anda boleh menghubungi kami di: AmInvestment Bank Berhad (Ibu Pejabat) Alamat: Tingkat 8, Bangunan AmBank Group, 55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur Anda boleh merujuk kepada: a) Pasukan khidmat Pelanggan kami Telefon: +60 3 2031 0102 Emel: helpdesk-ebiz@ambankgroup.com Waktu Operasi: 8:00AM - 5:30PM setiap Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum) b) Mana-mana wakil peniaga kami yang profesional di: Emel: sales-ebiz@ambankgroup.com Waktu Operasi: 9:00AM - 5:00PM setiap Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum) c) Laman web rasmi: www.amequities.com.my d) Mana-mana cawangan kami di seluruh negara (sila rujuk www.amequities.com.my/locate-branch untuk mencari cawangan terdekat anda)	Secara alternatif, anda boleh memperoleh perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit ("AKPK"), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") menyediakan perkhidmatan secara percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (Headquarter) Alamat: 5th and 6th Floor, Menara Aras Raya (dahulunya dikenali sebagai Menara Bumiputra Commerce), Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur Telefon: +60 3 2616 7766 Emel: enquiry@akpk.org.my Laman Web: www.akpk.org.my	Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh pihak kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia BNMLINK (dahulunya dikenali sebagai BNMTLELINK), atau Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan ("FMOS") di: Bank Negara Malaysia (Ibu Pejabat) Alamat: BNMLINK, Jabatan Komunikasi Korporat, Bank Negara Malaysia, P.O. Box 10922, 50929 Kuala Lumpur Telefon: 1300 88 5465 (LINK) Fax: +60 3 2174 1515 Laman Web: www.bnm.gov.my Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (Ibu Pejabat) Alamat: Tingkat 14, Blok Utama Menara Takaful Malaysia No. 4, Jalan Sultan Sulaiman 50000 Kuala Lumpur Telefon: +60 3 2272 2811 Laman Web: www.fmos.org.my

NOTA PENTING

- Sila baca dan fahami dokumen ini untuk mendaftar produk kami.
- Sekiranya terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia bagi dokumen ini, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.
- Dokumen ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Terma dan Syarat dan Perjanjian Standard berkenaan dengan produk, yang akan kekal terpakai dan mengikat, dan Bank boleh membuat pindaan atau perubahan padanya mengikut budi bicara mutlak.
- Maklumat yang diberikan dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada 30 Oktober 2025 sehingga kemaskini seterusnya.